



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN PERISIAN MULTIMEDIA INTERAKTIF “MARI BACA”
DALAM PEMBELAJARAN SUKU KATA
MURID AUTISTIK**

ROHAZLINI BINTI MUHAMMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KEBERKESANAN PERISIAN MULTIMEDIA INTERAKTIF "MARI BACA"
DALAM PEMBELAJARAN SUKU KATA MURID AUTISTIK

No. Matrik / Matric's No.: M20142001985

Saya / I : ROHAZLINI BINTIMUHAMMAD

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan dan mengkaji keberkesanan perisian multimedia interaktif “Mari Baca” dalam membantu murid autistik mempelajari suku kata. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti sama ada penggunaan perisian ini dapat menarik minat murid autistik dalam pembelajaran suku kata KVKV. Pembangunan perisian menggunakan model ADDIE dan telah disahkan oleh tiga orang pakar iaitu dua orang pakar Pendidikan Khas dan seorang pakar Teknologi Pendidikan. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan responden kajian dijalankan secara pensampelan bertujuan melibatkan dua orang murid autistik aras sederhana dan dua orang guru pendidikan khas di sebuah sekolah rendah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi di Selangor. Kajian ini menggunakan teknik pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual bagi mengumpul data empirikal kajian. Tiga jenis instrumen digunakan dalam kajian ini iaitu ujian suku kata, senarai semak dan protokol temu bual. Hasil temu bual awal dengan guru menunjukkan kedua-dua responden belum dapat membaca suku kata KV atau KVKV sebelum diajar dengan menggunakan perisian “Mari Baca”. Manakala selepas menggunakan perisian ini, hasil temu bual guru, analisis dokumen dan pemerhatian menunjukkan murid autistik berupaya membaca suku kata KV, menggabung dan membaca suku kata KV+KV, dan memadankan suku kata KVKV dengan gambar yang betul. Selain itu, dapatan senarai semak dan temu bual guru menunjukkan penggunaan perisian ini juga telah membantu meningkatkan minat murid autistik untuk mempelajari suku kata. Kesimpulan kajian menunjukkan penggunaan perisian “Mari Baca” dapat meningkatkan keupayaan dan minat membaca suku kata KVKV murid autistik berdasarkan hasil temu bual guru. Implikasi kajian menunjukkan penggunaan perisian “Mari Baca” yang dibangunkan berasaskan model ADDIE ini adalah sesuai diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan bagi menggalakkan murid autistik untuk belajar Bahasa Melayu.



THE EFFECTIVENESS OF INTERACTIVE MULTIMEDIA SOFTWARE “MARI BACA” IN SYLLABLES LEARNING FOR AUTISTIC PUPILS

ABSTRACT

This study aims to develop and evaluate the effectiveness of interactive multimedia software "Mari Baca" in helping autistic pupils to learn syllables. In addition, this study also aims to identify whether the use of this software can attract autistic pupils in KVKV syllables learning. The software was developed using ADDIE model and was approved by two experts of Special Education one expert of Educational Technology. Qualitative approaches with case study designs have been used in this study. The selection of respondents was conducted by purposive sampling techniques involving two moderate level autistic pupils and two special education teachers in a primary school with a Special Education Integration Program in Selangor. This study used observation, document analysis and interviews for collecting the empirical data of the study. Three types of instruments were used in this study which were syllables tests, pupils' interest checklists and interview protocols. The initial interview with the teachers showed that both respondents had not able to read neither KV nor KVKV syllables before they were taught using the "Mari Baca" software. While after using this software, teachers' interviews, documents analysis and observations showed that autistic pupils were able to read KV syllables, combine and read KV+KV syllables, and match KVKV syllables with correct pictures. Additionally, the findings of the checklists and teachers' interviews showed that the use of this software has also helped to increase the interest of autistic pupils to learn syllables. The conclusions of the study showed that the use of the "Mari Baca" software can enhance the ability and interest of KVKV syllabus learning among autistic pupils. The implication of the study suggested that the use of "Mari Baca" software which was developed based on the ADDIE model was suitable to be applied in teaching and learning process to encourage autistic pupils to learn Bahasa Melayu.

ISI KANDUNGAN

Muka surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Tujuan Kajian	13
1.5 Objektif Kajian	13
1.6 Persoalan Kajian	14
1.7 Kerangka Konsep	15
1.8 Kepentingan Kajian	16
1.8.1 Murid Autistik	17
1.8.2 Guru Pendidikan Khas	17

	viii
1.8.3 Pihak Sekolah	18
1.8.4 Ibu Bapa	18
1.8.5 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	19
1.9 Batasan Kajian	19
1.10 Definisi Operasi	20
1.10.1 Multimedia Interaktif	20
1.10.2 Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran	21
1.10.3 Murid Autistik	23
1.10.4 Keupayaan Murid	23
1.10.5 Pembelajaran Suku Kata KVKV	24
1.11 Kesimpulan	26

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	27
2.2 Kefahaman Konsep	28
2.2.1 Definisi Dan Ciri-ciri Autisme	28
2.2.2 Masalah Membaca Dalam Kalangan Murid Autistik	35
2.2.3 Multimedia Interaktif Dalam Pembelajaran Murid Autistik	37
2.2.4 Kurikulum Pendidikan Khas Di Malaysia	40
2.3 Teori Pembelajaran Dalam Pembangunan Multimedia	43
2.3.1 Teori Behaviorisme	43
2.3.2 Teori Kognitif Multimedia Mayer	46
2.3.2.1 Saluran Visual/Piktorial	48
2.3.2.2 Saluran Auditori/Verbal	49

2.4	Kajian-kajian Lampau	52
2.4.1	Kajian Dalam Negara	52
2.4.2	Kajian Luar Negara	56
2.5	Minat Dalam Pembelajaran	57
2.6	Kesimpulan	59

BAB 3 PEMBANGUNAN PERISIAN

3.1	Pengenalan	60
3.2	Aplikasi Model ADDIE	61
3.2.1	Fasa Analisis (Analyse)	63
3.2.2	Fasa Reka Bentuk (Design)	72
3.2.2.1	Pemilihan Teori	72
3.2.2.2	Pemilihan Alat Pengarangan	73
3.2.2.3	Pemilihan Bahan Bersifat Interaktiviti	76
3.2.2.4	Kandungan Perisian	77
3.2.3	Fasa Pembangunan (Development)	83
3.2.4	Fasa Pelaksanaan (Implementation)	84
3.2.5	Fasa Penilaian (Evaluation)	85
3.2.5.1	Penilaian Formatif	86
3.2.5.2	Penilaian Sumatif	88
3.3	Kesimpulan	90

BAB 4 METODOLOGI KAJIAN

4.1	Pengenalan	91
-----	------------	----

4.2	Reka Bentuk Kajian	92
4.3	Sampel Kajian	95
	4.3.1 Sampel Murid Autistik	96
	4.3.2 Sampel Guru Pendidikan Khas	97
4.4	Lokasi Kajian	98
4.5	Prosedur Pengumpulan Data	99
	4.5.1 Pemerhatian	103
	4.5.2 Temu Bual	105
	4.5.2.1 Temu Bual Murid	105
	4.5.2.2 Temu Bual Guru	106
	4.5.3 Analisis Dokumen	107
4.6	Instrumen Kajian	108
	4.6.1 Soalan Temu Bual Murid (Ujian Suku Kata)	108
	4.6.2 Senarai Semak Minat Murid	109
	4.6.3 Soalan Temu Bual Guru	109
	4.6.4 Pengesahan Pakar Instrumen Kajian	110
4.7	Kaedah Analisis Data	110
4.8	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	112
	4.8.1 Kesahan	112
	4.8.2 Kebolehpercayaan	113
4.9	Kajian Rintis	114
	4.9.1 Temu Bual Murid	115
	4.9.2 Temu Bual Guru	119
	4.9.3 Pemerhatian	119

4.10	Kesimpulan	120
------	------------	-----

BAB 5 DAPATAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	121
-----	------------	-----

5.2	Analisis Dapatan Kajian	121
-----	-------------------------	-----

5.2.1	Soalan Kajian 1: Sejauh manakah murid autistik berupaya membaca suku kata KV setelah menggunakan perisian “Mari Baca”?	122
-------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----

5.2.2	Soalan Kajian 2: Sejauh manakah murid autistik berupaya menggabungkan dan membaca suku kata KV+KV setelah menggunakan perisian “Mari Baca”?	127
-------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----

5.2.3	Soalan Kajian 3: Sejauh manakah murid autistik berupaya memadankan suku kata KVKV dengan gambar setelah menggunakan perisian “Mari Baca”?	132
-------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----

5.2.4	Soalan Kajian 4: Adakah penggunaan perisian “Mari Baca” dapat membantu menarik minat murid autistik dalam pembelajaran suku kata KVKV?	136
-------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----

5.3	Kesimpulan	142
-----	------------	-----

BAB 6 RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1	Pengenalan	143
-----	------------	-----

6.2	Ringkasan Kajian	144
-----	------------------	-----

6.3	Rumusan Dan Perbincangan Analisis Data	145
-----	----------------------------------------	-----

6.3.1	Kesan Penggunaan Perisian “Mari Baca” Dalam Pembelajaran Suku Kata Murid Autistik	145
-------	-----------------------------------------------------------------------------------	-----

6.3.2	Penggunaan Perisian “Mari Baca” Membantu Menarik Minat Murid Autistik Dalam Pembelajaran Suku Kata	148
-------	----------------------------------------------------------------------------------------------------	-----

6.4	Implikasi Dapatan Kajian	150
-----	--------------------------	-----

6.5	Batasan Kajian Dan Cadangan Kajian Lanjutan	151
-----	---------------------------------------------	-----

6.6	Kesimpulan	152
-----	------------	-----

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
2.1	Ciri-ciri Murid Autistik	33
3.1	Elemen Multimedia Dan Keperluan Murid Autistik	65
3.2	Sebab-sebab Pemilihan Alat Pengarangan <i>Adobe Captivate 5.5</i>	75
3.3	Kandungan Perisian “Mari Baca”	80
3.4	Komen Dan Cadangan Pakar Serta Penambahbaikan	87
4.1	Maklumat Responden	97
4.2	Bilangan Suku Kata KV Yang Diajar	114
4.3	Bilangan Suku Kata KV+KV Yang Diajar	115
5.1	Bilangan Suku Kata KV Yang Diajar	123
5.2	Keupayaan Membaca Suku Kata KV	123
5.3	Ringkasan Pemerhatian Sesi Temu Bual (i)	125
5.4	Bilangan Suku Kata KV+KV Yang Diajar	128
5.5	Menggabungkan Dan Membaca Suku Kata KVKV	129
5.6	Ringkasan Pemerhatian Sesi Temu Bual (ii)	130
5.7	Memadankan Suku Kata KVKV Dengan Gambar	133
5.8	Ringkasan Pemerhatian Sesi Temu Bual (iii)	135
5.9	Minat Murid Autistik Dalam Pembelajaran Suku Kata Menggunakan Perisian “Mari Baca”	137

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	15
2.1	Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia (Mayer, 2001): Saluran Visual/Piktorial	48
2.2	Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia (Mayer, 2001): Saluran Audio/ Verbal	49
3.1	Aliran Kerja Berasaskan Model ADDIE	62
3.2	Paparan Skrin Membaca Suku Kata KV	68
3.3	Paparan Skrin Menggabungkan Suku Kata KVKV	69
3.4	Paparan Skrin Membaca Suku Kata KVKV	69
3.5	Struktur Organisasi Kandungan Perisian	71
3.6	Paparan Skrin Kuiz	76
3.7	Paparan Skrin “Tahniah”	77
3.8	Peta Kandungan Perisian “Mari Baca”	81
3.9	Contoh Paparan Skrin Yang Terdapat Dalam Perisian	82
3.10	Contoh Paparan Skrin KVKV Yang Terdapat Dalam Perisian	83
4.1	Prosedur Kajian	100
4.2	Membaca Suku Kata KV	116
4.3	Menggabungkan Dan Membaca Suku Kata KVKV	117
4.4	Memadankan Suku Kata KVKV Dengan Gambar	118
5.1	Keupayaan A1 dan A2 Membaca Suku Kata KV	124
5.2	Menggabungkan Dan Membaca Suku Kata KVKV	129
5.3	Memadankan Suku Kata KVKV Dengan Gambar	133

**SENARAI SINGKATAN**

ADDIE	Analysis- Design- Development- Implementation- Evaluation
ASD	Autisme Spectrum Disorder
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
CDC	Child Development Centre
DSM	<i>Diagnotics And Statistical Manual of Mental Disorder</i>
et. al.	Dan Pengarang-pengarang Lain
E-Learning	Electronic Learning
EPRD	Bahagian Perancangan Penyelidikan Dasar Pendidikan dan Penilaian
ID	Instructional Design
ICT	Information and Communication Technology
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSRPK	Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
OKU	Orang Kurang Upaya
PBK	Pembelajaran Berbantuan Komputer
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi



SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Daripada Fakulti Pendidikan Dan Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris
- B Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Daripada EPRD
- C Borang Pengesahan Kandungan Perisian “Mari Baca” Oleh Panel Pakar Rujuk
- D Borang Pengesahan Instrumen Kajian Oleh Panel Pakar Rujuk
- E Borang Senarai Semak Minat Murid Autistik Menggunakan Perisian Multimedia Interaktif “Mari Baca” Dalam Pembelajaran Suku Kata KVKV
- F Soalan Temu Bual Murid (Ujian Suku Kata)
- G Soalan Temu Bual Guru
- H Transkripsi Temu Bual Responden G1
- I Transkripsi Temu Bual Responden G2
- J Surat Persetujuan Guru
- K Surat Persetujuan Ibu Bapa/Penjaga

BAB 1

PENDAHULUAN

Dewasa ini, teknologi multimedia memainkan peranan yang amat penting dalam menyampaikan sesuatu maklumat. Teknologi multimedia adalah satu cara komunikasi yang bukan sahaja dapat menjadikan sesuatu persembahan lebih menarik tetapi ia juga dapat meninggalkan kesan yang lebih mendalam kepada pengguna. Pengguna dapat mengingati dengan lebih baik lagi sekiranya mereka mendengar, melihat dan berinteraksi dengan apa yang disampaikan kepada mereka (Hanif Ahmad, 2007). Dua daripada Anjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah untuk memastikan setiap murid profisien dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris; serta memanfaatkan *Information and Communication Technology* (ICT) bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia,



2013). Ini menunjukkan per pentingnya penggunaan ICT dalam meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini.

Aplikasi yang berasaskan multimedia sangat sesuai dilaksanakan dalam pelbagai bidang termasuk bidang pendidikan, perubatan, perniagaan dan sebagainya. Multimedia juga adalah sebahagian daripada teknologi maklumat dan komunikasi yang meningkatkan kualiti hubungan dalam kehidupan manusia. Interaktif melalui multimedia ini telah memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan proses pengajaran dan pemudahcaraan ke arah yang lebih dinamik dan bermutu. Ini dibantu dengan keupayaan komputer dalam mempersembahkan maklumat dan menyokong penghasilan aplikasi pengajaran dan pemudahcaraan. Guru yang berdedikasi haruslah mempunyai kreativiti untuk mencari kaedah pengajaran yang efisien supaya dapat memotivasi murid-murid agar berminat dengan mata pelajaran yang diajar supaya peningkatan penguasaan kemahiran dapat dijana dengan baik.

Pembelajaran berbantu multimedia dapat mempelbagaikan bahan bantu belajar murid kerana ia boleh diaplikasikan dengan pelbagai aktiviti pembelajaran seperti teks, meneliti gambar, video, visual pembelajaran dan sebagainya. Selain itu, murid tidak perlu terikat dengan sesuatu gaya pembelajaran kerana pembelajaran berbantu multimedia ini dapat menangani masalah perbezaan murid dengan mengindividukan pengajaran mengikut kebolehan mereka (Sharifah Alawiah, 1987 dalam Nor Jannah Hassan, 2012). Secara tidak langsung ianya akan meningkatkan kefahaman murid seterusnya meningkatkan pencapaian murid dalam pembelajaran. Penggunaan animasi, visual dan bunyi juga dapat menarik minat murid untuk mengikuti aktiviti pengajaran





dan pemudahcaraan yang dijalankan. Ini secara tidak langsung dapat membantu murid untuk mengingati apa yang dipelajari pada hari tersebut (Nor Jannah Hassan, 2012).

Nor Jannah Hassan (2012) dalam kajiannya turut menyatakan bahawa ICT telah membawa banyak pembaharuan dalam sistem pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc), contohnya Program Pembelajaran dan Pemudahcaraan Berbantuan Komputer (PPBK) yang telah dilaksanakan pada tahun 1994 telah menyebabkan peningkatan penggunaan komputer dalam PdPc. Penggunaan ICT dalam proses PdPc dapat dilihat dari dua aspek iaitu aspek pengajaran guru dan juga pembelajaran murid di mana ianya melibatkan perisian multimedia, capaian internet, aplikasi serta komunikasi. Strategi penggunaan komputer dalam PdPc telah banyak digunakan oleh institusi pendidikan terutama di institusi pengajian tinggi (Yusup Hashim & Razmah Man, 2006). Keadaan yang sama juga telah berlaku di peringkat sekolah, misalnya di sekolah-sekolah Bestari, pengajaran Sains dan Matematik, serta pengajaran Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu telah dijalankan dengan menggunakan komputer (Nor Jannah Hassan, 2012).

Murid pendidikan khas juga perlu didedahkan dengan bidang yang lebih mencabar supaya mereka dapat maju seiring dengan murid normal yang lain. Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 yang telah dikuatkuasa pada tahun 2008 menyatakan bahawa OKU tidak boleh dikecualikan dari sistem pendidikan umum disebabkan ketidakupayaan mereka. Justeru itu, penggunaan ICT perlu dititikberatkan dalam pendidikan khas. Bagi Baharom Mohamad (2011), pendidikan khas tidak boleh terkecuali dari tempas perkembangan ICT kerana ia banyak memberi faedah kepada proses PdPc yang berlaku di sekolah pendidikan khas. Dapatan kajian Abdul Rahim Razalli, Noor Aini Ahmad dan Kamaliah Ahmad (2005) menunjukkan bahawa



teknologi komputer mampu membantu murid-murid khas, terutamanya murid yang bermasalah tingkah laku dan bermasalah pembelajaran, mempelajari dan menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira. Guru menggunakan perisian sebagai salah satu bahan bantu mengajar untuk memudahkan murid memahami pelajaran yang diajar. Menurut Baharom Mohamad (2011), penggunaan komputer dalam PdPc bukan sahaja membantu guru mencapai objektif pedagoginya, malah ia memberi peluang kepada murid untuk mencuba cara pembelajaran yang baru.

Tidak dapat dinafikan, teknologi telah membawa banyak pembaharuan dalam pendidikan murid kurang upaya, malah teknologi menyediakan alat yang lebih berguna dan efisien kepada guru yang mengajar murid pendidikan khas (Reiser & Dempsey, 2012; Selwyn, 2011; Vonlanthen & Arndt, 2006). Guru biasanya menggunakan komputer sebagai alat untuk menyampaikan dan membantu pembelajaran secara latih tubi kerana bahan multimedia digunakan untuk membantu guru dan murid melalui proses PdPc dengan lebih berkesan. Pemilihan bahan multimedia dalam PdPc perlu berdasarkan kesesuaiannya dari segi topik dan objektif PdPc, latar belakang murid, saiz kelas dan keadaan fizikal bilik darjah. Ini penting bagi memastikan bahan multimedia yang digunakan dapat mencapai objektif PdPc secara optimum.

1.2 Latar Belakang Kajian

Setiap murid merupakan individu yang unik yang mempunyai latar belakang dan keupayaan berbeza, apatah lagi murid pendidikan khas. Justeru itu, masa yang diperlukan untuk menguasai sesuatu topik pelajaran atau kemahiran juga berbeza



(Norhasni Mohd. Sharif, 2011). Menurut beliau lagi, murid pendidikan menghadapi pelbagai halangan dalam menguasai kemahiran membaca. Ini termasuklah daya tumpuan yang singkat, ingatan yang lemah dan cepat bosan terhadap sesuatu pembelajaran.

Sehubungan itu, pembelajaran berasaskan komputer (PBK) berpotensi meminimumkan sebahagian dari halangan itu. Selain itu, PBK amat sesuai digunakan bagi membantu mengatasi masalah pembelajaran golongan murid lemah dan memberi pengayaan kepada murid yang berminat. PBK menyediakan bahan sokongan dalam bentuk pengajaran individu yang membolehkan murid belajar pada kadar berbeza, mampu menentukan arah pembelajaran sendiri dan belajar mengikut kemampuan sendiri (Zakaria Kasa & Aida Suraya Yunus, 2001). Murid juga boleh belajar berulang kali sesuatu konsep atau fakta yang sukar sehingga mereka dapat menguasainya tanpa melibatkan penerangan semula daripada guru. Rubashini Ramakrishnan (2011) menyatakan bahawa dengan menggunakan komputer secara interaktif, murid dapat mengawal operasi program perisian dengan memilih bahagian yang ingin dilihat, dipelajari dan mengulangi bahagian yang tidak difahami. Secara tidak langsung kaedah ini membolehkan murid mengawal kadar pembelajaran dan juga memberi keselesaan kepada mereka untuk terus belajar mengikut kemampuan mereka sendiri.

Di Malaysia, Pendidikan Khas tidak terkecuali dari mengikuti perkembangan ICT, khususnya penggunaan multimedia interaktif yang mana banyak memberi faedah terhadap proses pengajaran dan pemudahcaraan yang berlaku di Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran. Beberapa perkara perlu dipertimbangkan oleh guru-guru dalam mendidik murid-murid Pendidikan Khas melalui pendekatan





pembelajaran yang bersesuaian dan berbeza dengan murid di aliran perdana. Menurut Effandi Zakaria (2004), murid Pendidikan Khas menghadapi masalah dalam pengiraan, bahasa, komunikasi sosial dan bacaan. Oleh itu, mereka mempunyai keupayaan yang terhad dalam sesuatu pembelajaran jika dibandingkan dengan murid-murid biasa yang sebaya dengannya. Menurut Abdul Rahim Razalli et. al, (2005), kajian menunjukkan bahawa teknologi komputer mampu memudahkan murid-murid khas terutamanya murid-murid bermasalah tingkah laku dan bermasalah pembelajaran, untuk mempelajari kemahiran membaca, menulis dan mengira. Tambahan pula, penggunaan multimedia dalam pendidikan banyak menarik minat murid dalam pembelajaran kerana ia menarik, senang digunakan, terdapat kepelbagaian seperti penambahan muzik, video, demonstrasi, malah pemahaman mereka menjadi lebih berkesan melalui penerangan bergambar atau tayangan secara langsung.



Siti Izani, Sathya Manoharan dan Anis Safinaz (2015) menjelaskan bahawa, murid-murid autistik sering menunjukkan masalah dan menghadapi ketidakupayaan dalam komunikasi, menjalinkan hubungan sosial dan berfikir secara kreatif. Mereka merupakan murid-murid yang mempunyai masalah pembelajaran di mana mereka sering gagal memberi tumpuan yang teliti dan berada di dalam dunia mereka sendiri. Ini menyebabkan kebolehan mereka dalam menguasai bahasa dan bacaan amatlah terhad. Oleh yang demikian, murid-murid ini harus diberi pendekatan yang khas, menarik dan sesuai dengan tahap pemikiran mereka di dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan. Justeru itu, penggunaan multimedia interaktif kepada murid-murid autistik merupakan satu idea baru yang perlu diperincikan dan diberi pertimbangan menyeluruh agar mereka dapat memperoleh manfaat daripadanya (Siti Izani et. al., 2015).





Norfishah Mat Rabi (2015) menyatakan bahawa kebanyakan murid autistik mengalami masalah dalam bahasa. Menurut beliau lagi, kekurangan murid autistik dari segi kognitif menyebabkan mereka mengalami perkembangan bahasa yang lambat jika dibandingkan murid normal yang sebaya dengan mereka. Perkembangan bahasa murid autistik yang lambat menyebabkan mereka kekurangan perbendaharaan kata, seterusnya menghadkan keinginan dan kemampuan mereka untuk bercakap dan berkomunikasi (Hasnah Toran, Salmiah Bujang & Fadliana Chiri, 2013). Justeru, penyelidik merasakan kekurangan ini dapat diatasi sekiranya mereka dapat membaca dengan baik.

Oleh itu, dalam usaha meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid pendidikan khas kategori autistik khususnya, guru-guru pendidikan khas perlu sentiasa mencari pendekatan baru dalam pengajaran bagi meningkatkan minat dan mendatangkan keseronokan kepada murid untuk belajar. Menurut Ismail Basiron (2012), perisian multimedia boleh menjadi pemudahcara yang kuat untuk menghasilkan pengajaran dan pemudahcaraan yang lebih berkesan dan berjaya.

Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan bagi membangunkan dan meninjau keberkesanan penggunaan perisian multimedia interaktif dalam kalangan murid autistik semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas di sebuah sekolah rendah Program Pendidikan Khas Integriti di daerah Hulu Selangor, Selangor. Kajian yang dilakukan ini tertumpu pada mata pelajaran Bahasa Melayu di dalam tajuk Suku Kata KVKV yang terkandung dalam sukatan mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 2 Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSSRPK). Di samping itu,





kajian ini juga akan mengenal pasti sama ada perisian multimedia yang dibangunkan dapat menarik minat murid autistik dalam pembelajaran suku kata KVKV.

1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Razhiyah (2006), murid-murid autistik mempunyai tumpuan belajar yang singkat, mudah jemu dan tidak berminat terhadap pembelajaran secara teori. Hal ini mengakibatkan murid-murid autistik sukar untuk berjinak dengan bahan bacaan memandangkan tumpuan belajar (*attention span*) mereka amat singkat. Roziyah Abd. Hamid (2005) dalam Tiong Leh Ling dan Zaidatun Tasir (2008) menyatakan bahawa kegagalan menguasai kemahiran membaca menyebabkan murid tidak dapat membaca dengan betul dan lancar malah mereka tidak akan dapat menjawab soalan yang akan dikemukakan.

Kemahiran membaca sememangnya amat penting dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan murid-murid. Maka, murid autistik yang tidak mempunyai masalah dengan proses pembelajaran seharusnya diberikan kaedah yang sesuai untuk membolehkan mereka belajar membaca.

Ciri-ciri murid autistik mempunyai masalah dalam bacaan boleh dikenalpasti dengan memerhatikan respon atau tindak balas murid itu terhadap bahan bacaan. Sebagai contoh, murid autistik tidak akan menunjukkan minat terhadap bahan bacaan namun mungkin berminat jika diberi bahan bacaan yang pendek dan bergambar. Hal ini menunjukkan bahawa murid autistik sukar menumpukan perhatian sepenuhnya pada





satu-satu perkara dalam bahan bacaan yang berat dan lebih suka kepada perkara visual (Norfishah Mat Rabi, 2015).

Menurut Lew Yoon Loy (2006) pula, ramai murid autistik tidak mendapat pendidikan yang sepatutnya kerana kurangnya kesedaran tentang keperluan khusus mereka. Menurut beliau juga, guru-guru di sekolah pendidikan khas juga masih menggunakan kaedah pengajaran yang konvensional seperti papan putih dan buku teks. Murid pendidikan khas khususnya murid autistik masih kurang didedahkan dengan pembelajaran berasaskan komputer yang mampu menarik minat mereka untuk belajar. Menurut LeBlanc (2010), pembelajaran berasaskan komputer mampu meningkatkan motivasi, mengurangkan tingkah laku negatif, meningkatkan tumpuan dan lebih berkesan berbanding kaedah tradisional. Menurut Abdul Rahman dan Muhib (2004) pula, terdapat hubungan yang positif antara minat belajar dan prestasi murid. Beliau menjelaskan segala kegiatan individu akan dipengaruhi oleh minatnya terhadap kegiatan tersebut. Dengan adanya minat, akan mendorong seseorang untuk mencurahkan perhatian dan seterusnya meningkatkan fungsi jiwa untuk dipusatkan pada kegiatan tersebut. Begitu juga dengan murid autistik, kefahaman dan minat terhadap penggunaan multimedia interaktif mungkin akan menaikkan motivasi mereka untuk mempelajari Bahasa Melayu dengan lebih baik, seterusnya meningkatkan pencapaian mereka dalam mata pelajaran ini.

Kajian yang dijalankan oleh Yahya dan Roselan (2007) mendapati penggunaan komputer dalam pengajaran Bahasa Melayu berupaya meningkatkan lagi keupayaan murid arus perdana dalam menguasai bahasa tersebut. Menurut Azim (2004) pula, pembelajaran berbantuan komputer memberi kesan yang berfaedah dan signifikan





terhadap murid yang bermasalah pembelajaran. Antara dapatan kajian beliau adalah: (i) terdapat peningkatan yang menakjubkan dari aspek tingkah laku, tumpuan, bahasa (lisan), komunikasi dan motivasi; (ii) wujudnya kesan yang positif dalam peningkatan kemahiran membaca dalam kalangan murid khususnya dari aspek ketepatan, kelajuan, kesanggupan (keberanian) dan ekspresif; (iii) terdapatnya peningkatan dalam pemprosesan bahasa dan daya ingatan (m.s.125).

Manakala, hasil kajian Olofsson (2005) telah menunjukkan bahawa cara terbaik untuk membantu murid-murid yang bermasalah membaca ialah melalui komputer, di mana komputer mampu menyebut sesuatu perkataan dengan tepat apabila diperlukan. Selain itu, *My Reading CoachTM*, iaitu suatu bahan multimedia interaktif telah dapat memperbaiki perkembangan literasi dalam kalangan murid yang pelbagai dalam situasi pembelajaran yang berbeza (Vaughan & Sisk, 2004). Dapatan kajian oleh Cheung dan Slavin (2013) pula telah membuktikan keberkesanan perisian komputer dalam membantu meningkatkan kelajuan membaca dan ketepatan dalam kalangan murid lemah di arus perdana. Walaupun kajian yang dinyatakan lebih tertumpu kepada murid di arus perdana, penyelidik merasakan bahawa penggunaan komputer khususnya bahan multimedia interaktif dalam pembelajaran murid autistik juga akan dapat meningkatkan keupayaan membaca dan minat mereka dalam pembelajaran.

Salman Firdaus Sidek, Nur Saadah Fathil, Nur Zuhaidah Mohamed Zain dan Kamaliah Muhammad (2014a) telah membangunkan perisian kursus multimedia interaktif untuk pembelajaran Bahasa Melayu bagi murid autistik. Tema yang difokuskan dalam kajian ini adalah “Majlis Hari Lahir” dan “Berkelah Di Pantai”. Kajian telah dijalankan terhadap lima orang murid autistik aras ringan di sebuah





sekolah di Kuala Lumpur. Hasil kajian beliau mendapati bahawa ciri-ciri interaktif perisian kursus yang dibangunkan mampu menarik minat murid-murid autistik untuk belajar Bahasa Melayu.

Selain itu, Zahrah Pardi (2009) juga telah melaksanakan kajian untuk mengkaji sejauh mana keberkesanan penggunaan perisian Powerpoint dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca suku kata terbuka KV dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran. Hasil kajian yang melibatkan sampel seramai tujuh orang di sebuah sekolah di negeri Johor ini menunjukkan perisian dapat meningkatkan kemahiran membaca suku kata terbuka KV murid bermasalah pembelajaran. Walau bagaimana pun, kajian ini terbatas kepada suku kata terbuka KV berkaitan topik buah-buahan sahaja. Oleh itu, penyelidik kajian telah mencadangkan agar lebih banyak perisian seumpamanya dibangunkan bagi meningkatkan pencapaian murid berkeperluan khas.

Kajian yang dibuat oleh Wright, et al. (2002) dalam Salman Firdaus Sidek, Nur Saadah Fathil, Nur Zuhaidah Mohamed Zain dan Kamaliah Muhammad (2014b) pula menyatakan bahawa murid autistik yang belajar membaca dengan menggunakan komputer mampu untuk mengingati sekurang-kurangnya tiga perkataan lebih banyak berbanding belajar membaca dengan menggunakan buku teks. Kajian tersebut menyatakan bahawa murid-murid autistik meluangkan lebih banyak masa terhadap bahan bacaan berasaskan komputer jika dibandingkan dengan bahan bacaan berasaskan buku. Ini disokong pula oleh Vedad dan Nirvana (2012) yang menyatakan bahawa murid autistik boleh mendengar, mengikut arahan dan berinteraksi menggunakan komputer dengan baik.





Selain itu, hasil kajian Norfishah Mat Rabi, Rosma Osman dan Norziana Mat Rabi (2016) membuktikan bahawa penggunaan gambar animasi dalam PdPc telah meningkatkan pencapaian murid autistik dari segi sebutan dan bacaan dalam pembelajaran topik 'kata kerja' Bahasa Melayu. Penggunaan gambar animasi dalam kajian ini juga telah membantu murid autistik agar lebih fokus, seterusnya meningkatkan tahap pemahaman mereka dalam pembelajaran. Selain itu, penyelidik kajian ini juga mendapati penggunaan gambar-gambar animasi sebagai medium pengajaran turut membantu murid autistik meningkatkan kemahiran mereka menggunakan perkataan 'kata kerja' dalam interaksi sosial mereka.

Walaupun keberkesanan penggunaan multimedia dalam pembelajaran telah banyak dibuktikan melalui kajian-kajian lampau seperti yang dinyatakan di atas, namun perisian multimedia untuk murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran khususnya murid autistik adalah sangat kurang di pasaran Malaysia. Menurut Ibrahim dan Norasiken (2009) dalam Salman Firdaus Sidek et. al., (2014a), kebanyakan perisian pendidikan yang dibangunkan adalah untuk murid normal sahaja. Perisian yang menepati kurikulum Pendidikan Khas khususnya untuk murid autistik amat terhad dan sukar untuk diperolehi. Menurut beliau lagi, perisian pembelajaran untuk murid normal adalah kurang sesuai bagi murid autistik kerana mereka memerlukan strategi pengajaran spesifik yang memenuhi keperluan mereka, baharulah mereka dapat belajar secara optimum.

Menyedari keberkesanan penggunaan bahan multimedia interaktif dalam pembelajaran murid serta kekurangan bahan multimedia interaktif untuk murid autistik, maka penyelidik tertarik untuk membangunkan perisian multimedia bagi pembelajaran



suku kata terbuka KVKV Bahasa Melayu khusus untuk murid autistik. Dengan pembangunan perisian multimedia ini, penyelidik ingin mempelbagaikan media pengajaran dalam topik yang berbeza daripada kajian-kajian lampau, seterusnya menjadikan pembelajaran murid autistik lebih menyeronokkan dan berkesan.

1.4 Tujuan Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah bertujuan untuk membangunkan dan menguji keberkesanan perisian multimedia interaktif “Mari Baca” untuk pembelajaran suku kata KVKV dalam kalangan murid autistik. Selain itu, ia juga bertujuan untuk melihat sejauh mana penggunaan perisian ini dapat membantu menarik minat murid autistik

dalam pembelajaran suku kata.

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan kajian yang dinyatakan, secara khususnya objektif kajian adalah seperti berikut:

- 1.5.1 Membangunkan perisian “Mari Baca” bagi membantu murid autistik dalam pembelajaran suku kata KVKV.
- 1.5.2 Mengenal pasti keupayaan murid autistik membaca suku kata KV setelah menggunakan perisian “Mari Baca”.

- 1.5.3 Mengenal pasti keupayaan murid autistik menggabungkan dan membaca suku kata KV+KV setelah menggunakan perisian “Mari Baca”.
- 1.5.4 Mengenal pasti keupayaan murid autistik memadankan suku kata KVKV dengan gambar setelah menggunakan perisian “Mari Baca”.
- 1.5.5 Mengenal pasti sama ada penggunaan perisian “Mari Baca” dapat membantu menarik minat murid autistik dalam pembelajaran suku kata KVKV.

1.6 Persoalan Kajian


Kajian ini juga akan merangkumi beberapa aspek persoalan utama seperti yang dinyatakan di bawah ini:

- 1.6.1 Sejauh manakah murid autistik berupaya membaca suku kata KV setelah menggunakan perisian “Mari Baca”?
- 1.6.2 Sejauh manakah murid autistik berupaya menggabungkan dan membaca suku kata KV+KV setelah menggunakan perisian “Mari Baca”?
- 1.6.3 Sejauh manakah murid autistik berupaya memadankan suku kata KVKV dengan gambar setelah menggunakan perisian “Mari Baca”?
- 1.6.4 Adakah penggunaan perisian “Mari Baca” dapat membantu menarik minat murid autistik dalam pembelajaran suku kata KVKV?

1.7 Kerangka Konsep

Kerangka konsep merupakan satu bentuk kerangka yang menerangkan bentuk kajian, arah tuju kajian, format kajian dan peringkat dalam kajian secara ringkas. Ia merupakan suatu kaitan atau hubungan di antara konsep atau pemboleh ubah melalui penelitian yang akan dilaksanakan dalam sesuatu kajian. Dalam penyelidikan ini, penyelidik telah membina sendiri kerangka konsep ini dan ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Kamarul Azmi Jasni (2012) bahawa kerangka konsep boleh dibentuk berasaskan mana-mana teori yang sudah sedia ada atau dibentuk sendiri. Kerangka konsep kajian ini menunjukkan dengan jelas hubungan teori-teori dan model rekabentuk instruksional dengan pemboleh ubah- pemboleh ubah yang terdapat dalam kajian ini. Bagi melihat dengan lebih jelas hubungan tersebut, kerangka konsep kajian ditunjukkan dalam Rajah

1.1 seperti berikut:



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian



Berdasarkan kerangka konsep kajian, perisian “Mari Baca” akan dibangunkan dengan mengaplikasikan teori Behavioris, Teori Multimedia Mayer dan model ADDIE. Seterusnya perisian “Mari Baca” akan digunakan dalam pembelajaran suku kata KVKV bagi murid autistik. Pencapaian murid autistik akan direkodkan dari semasa ke semasa untuk dianalisa pada penghujung tempoh kajian. Ini bagi menentukan keberkesanan penggunaan perisian “Mari Baca” dalam pembelajaran suku kata murid autistik. Di samping itu, minat murid autistik dalam pembelajaran suku kata KVKV dengan menggunakan perisian yang dihasilkan juga akan dianalisa dalam kajian ini.

1.8 Kepentingan Kajian



Dapatan kajian ini akan memberi gambaran terhadap kepentingan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengintegrasikan elemen Teknologi, Maklumat dan Komunikasi dalam pendidikan negara, khususnya Pendidikan Khas. Ia juga dapat mengenal pasti sejauhmana perisian multimedia interaktif berkesan untuk membantu meningkatkan penguasaan murid Pendidikan Khas dalam aspek bacaan. Selain itu, dapatan ini diharap dapat memberi galakan kepada guru-guru dan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membangunkan lebih banyak perisian multimedia interaktif khusus bagi memenuhi keperluan murid Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran. Kajian ini juga diharap akan memberi manfaat kepada pihak sekolah, guru-guru dan murid-murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Masalah Pembelajaran di daerah Hulu Selangor, Selangor. Di samping itu, pihak-pihak yang terlibat juga dapat mengenal pasti dan mengambil langkah-langkah bersesuaian bagi meningkatkan tahap membaca dalam kalangan murid Pendidikan Khas khususnya:-





1.8.1 Murid Autistik

Pembelajaran berbantu multimedia interaktif dapat mempelbagaikan cara pembelajaran murid autistik kerana ia boleh diaplikasikan dengan pelbagai aktiviti pembelajaran seperti teks, meneliti gambar, video, visual pembelajaran dan sebagainya. Selain itu, murid tidak perlu terikat dengan sesuatu gaya pembelajaran kerana pembelajaran berbantu multimedia ini dapat menangani masalah perbezaan murid dengan mengindividukan murid mengikut kebolehan mereka (Mohd. Hasril Amiruddin & Alias Masek, 2014). Secara tidak langsung, ia akan meningkatkan kefahaman murid, seterusnya meningkatkan pencapaian murid dalam pembelajaran.



1.8.2 Guru Pendidikan Khas



Kajian ini dapat membantu guru untuk sentiasa mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan mengaplikasikan bahan multimedia interaktif dalam pengajaran dan pemudahcaraan murid Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran, seterusnya menjadikan sesi pengajaran dan pemudahcaraan lebih interaktif, menarik, bermakna dan berkesan terhadap murid. Perisian yang dibangunkan dapat digunakan oleh guru Pendidikan Khas dalam mempelbagaikan bahan bantu belajar khususnya untuk mata pelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan rujukan dan dorongan kepada guru-guru Pendidikan Khas untuk menghasilkan sendiri bahan bantu belajar berbentuk multimedia interaktif.





1.8.3 Pihak Sekolah

Pihak sekolah dan pentadbir akan lebih peka terhadap kepentingan dan keberkesanan penggunaan bahan multimedia interaktif bagi meningkatkan pencapaian murid Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran. Justeru, pihak pentadbir boleh memantau penggunaan bahan multimedia interaktif serta merancang kursus-kursus berkaitan bagi meningkatkan penggunaannya dalam kalangan guru Pendidikan Khas khususnya. Pihak sekolah juga akan lebih berusaha untuk menyediakan kelengkapan dan kemudahan yang bersesuaian bagimenggalakkan penggunaan multimedia interaktif dalam pengajaran. Selain itu, pihak pentadbir perlu memastikan bahan multimedia interaktif mencukupi dan bersesuaian dengan keperluan murid di sekolah. Di samping itu, pihak sekolah akan lebih menggalakkan guru-guru untuk menghasilkan sendiri bahan multimedia interaktif yang bersesuaian bagi semua matapelajaran, seterusnya mendorong guru-guru agar lebih kreatif dan inovatif.

1.8.4 Ibu Bapa

Bagi ibu bapa yang mempunyai anak bermasalah pembelajaran khususnya anak autistik, kajian ini dapat memberi kesedaran kepada mereka bahawa anak-anak sentiasa memerlukan sokongan mereka. Kajian ini dapat meningkatkan pengetahuan ibu bapa tentang kepentingan penggunaan bahan multimedia interaktif yang bersesuaian dalam pembelajaran anak-anak, sama ada di sekolah mahupun di rumah. Ibu bapa juga boleh menggunakan bahan multimedia interaktif yang dibangunkan dalam pembelajaran tidak formal untuk anak-anak mereka di rumah.





1.8.5 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Selain itu, hasil maklumat dari kajian ini dapat membantu Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam mengenal pasti keberkesanan penggunaan bahan multimedia interaktif di sekolah-sekolah yang mempunyai program PPKI Masalah Pembelajaran. Tindakan yang sewajarnya perlu diambil bagi menghasilkan lebih banyak bahan multimedia interaktif yang bersesuaian dengan murid Pendidikan Khas, khususnya murid autistik.

1.9 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik membataskan kajian kepada perkara-perkara tertentu sahaja supaya skop kajian tidak terlalu luas. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kajian kes melibatkan saiz sampel yang kecil, iaitu dua orang murid autistik dan dua orang guru Pendidikan Khas di sebuah sekolah rendah di daerah Hulu Selangor, Selangor. Penyelidik menjalankan kajian di negeri Selangor sahaja atas faktor masa yang terhad dan kos yang terlibat. Memandangkan saiz sampel adalah kecil, maka secara jelasnya hasil dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada populasi sebenar murid autistik dan murid bermasalah pembelajaran di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga terbatas kepada pembelajaran suku kata KVKV dengan menggunakan perisian “Mari Baca” dalam kalangan murid autistik. Topik suku kata yang terkandung dalam perisian ini adalah “Anggota Badan”.





1.10 Definisi Operasi

Kajian ini menggunakan beberapa perkataan yang definisi perlu diterangkan untuk menjelaskan hasil kajian ini. Definisi tersebut ialah:

1.10.1 Multimedia Interaktif

Multimedia didefinisikan sebagai satu pakej bahan yang mengandungi kombinasi teks, grafik, animasi, audio dan video (Norhayati Abd. Mukti & Siew Pei Hwa, 2004). Sifoo, (2003) pula, mengatakan bahawa multimedia, jika dilihat daripada segi bahasa membawa maksud banyak media atau pelbagai media yang biasanya terdiri daripada teks, grafik, audio, video, dan animasi. Sebagai contoh, sebuah laman web statik boleh dikira sebagai sebuah multimedia kerana menggunakan teks dan grafik. Walau bagaimana pun, multimedia lebih kerap digunakan kepada web atau CD yang mempunyai audio, animasi dan video. Multimedia termasuklah peralatan komputer, pengimbas program (hypermedia authoring), digitizer audio dan video, pemain CD-ROM, alat jalur kod (barcode) dan perisian mengesan (probeware). Bagi komponen multimedia yang lebih besar, ia boleh membekalkan kepada guru dengan sebuah 'kotak peralatan' (toolbox). Pelbagai teknologi boleh digabungkan untuk mencipta pelbagai bahan pengajaran multimedia yang interaktif yang menarik dan luar biasa. (Sifoo, 2003). Kamus Dewan (2011) pula memberi makna multimedia sebagai kata gabungan yang menunjukkan banyak dan kepelbagaian alat atau perantara komunikasi ataupun perhubungan.



Daripada ketiga-tiga takrifan dan makna yang dinyatakan di atas dapatlah disimpulkan bahawa multimedia adalah penggunaan beberapa media digital contohnya teks, audio, grafik, animasi dan video untuk menyampaikan maklumat serta penggunaan teknologi komputer untuk mencipta, menyimpan dan menggunakan kandungan multimedia. Ia juga merupakan proses komunikasi interaktif berasaskan teknologi komputer yang menggabungkan penggunaan unsur-unsur media dalam persembahan informasi.

Menurut Mayer (2009), multimedia interaktif pula merupakan persembahan informasi dengan menggunakan gabungan teks, grafik, audio, animasi dan video serta mempunyai interaktiviti antara pengguna dan komputer. Ia melibatkan komunikasi dua hala yang aktif antara pengguna dan komputer. Interaktif merupakan aplikasi yang membenarkan pengguna untuk berinteraksi dengan media yang disampaikan secara aktif. Pengguna boleh mengawal apa yang dilihat dan dengar serta boleh menentukan hala tuju masing-masing semasa berinteraksi dijalankan.

Dalam kajian ini, teknologi multimedia interaktif merujuk kepada perisian multimedia interaktif “Mari Baca” yang dibangunkan khusus untuk pembelajaran suku kata terbuka Konsonan Vokal Konsonan Vokal (KVKV).

1.10.2 Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran

Secara umumnya, murid pendidikan khas di Malaysia tergolong dalam kategori Orang Kurang Upaya. Tafsiran murid kurang upaya di Malaysia adalah berdasarkan beberapa

definisi. Pertama, terma kurang upaya merujuk kepada Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) yang menjelaskan konsep orang urang upaya termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Kedua, Akta Pendidikan 1996 mentakrifkan murid-murid kurang upaya di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan sebagai murid-murid yang mempunyai kurang upaya penglihatan, pendengaran dan masalah pembelajaran. Menurut Peraturan-peraturan Pendidikan (2013) pula, kategori ketidakupayaan murid terdiri daripada ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan fizikal, ketidakupayaan pertuturan, masalah pembelajaran dan kombinasi mana-mana ketidakupayaan atau ketidakupayaan dengan masalah pembelajaran (Warta Kerajaan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara, 2013).

Berdasarkan definisi-definisi yang dinyatakan, murid-murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran merupakan salah satu kategori murid kurang upaya. Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat (2011) mendefinisikan masalah pembelajaran sebagai kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikalnya. Mereka yang tergolong dalam kategori ini ialah murid yang lewat perkembangan global, sindrom down dan kurang upaya intelektual. Kategori ini juga merangkumi keadaan yang menjejaskan kemampuan pembelajaran individu seperti autistik, ADHD, masalah pembelajaran spesifik (disleksia, diskalkulia dan disgrafia), dan terencat akal.

Dalam konteks kajian ini, murid Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran adalah merujuk kepada murid autistik sahaja.



1.10.3 Murid Autistik

Murid autistik mempunyai tiga ciri khusus yang membezakan mereka dengan kategori bermasalah pembelajaran yang lain. Tiga ciri tersebut ialah kurang gemar bersosial, bermasalah komunikasi, dan mempunyai kecelaruan tingkah laku (Norfishah Mat Rabi, 2015; Ozonoff, 1997; Trevarthen et. al., 1996). Menurut Norfishah Mat Rabi (2015), ciri murid yang mengalami autistik lazimnya adalah tidak menghiraukan orang lain, tidak sensitif pada keperluan, perasaan atau pemikiran orang lain, dan biasanya tidak mahu bertentang mata atau menunjukkan ekspresi muka apabila bercakap. Walau bagaimanapun, bukan semua murid autistik mempunyai masalah pembelajaran. Terdapat murid autistik yang mempunyai otak yang cerdas, bijak bercakap dan boleh berkomunikasi dengan baik.



Dalam kajian ini, murid autistik merujuk kepada murid autistik aras ringan yang telah mengenal abjad dan huruf vokal dengan baik.

1.10.4 Keupayaan Murid

Menurut Kamus Dewan (2011), keupayaan membawa maksud kesanggupan atau kebolehan untuk mencapai atau melakukan sesuatu. Kamus Pelajar Edisi Kedua pula mendefinisikan keupayaan sebagai kesanggupan atau kemampuan untuk melakukan sesuatu. Manakala murid pula bermaksud seseorang yang sedang belajar atau berguru. Justeru, keupayaan murid bermaksud kemampuan atau kebolehan seseorang murid untuk melakukan sesuatu (Kamus Dewan, 2011).





Dalam kajian ini, keupayaan murid merujuk kepada kemampuan murid autistik membaca suku kata KV, menggabungkan dan membaca suku kata KV+KV, serta kemampuan murid autistik untuk memadankan suku kata KVKV dengan gambar setelah diajar membaca dengan menggunakan perisian multimedia interaktif “Mari Baca” sepanjang tempoh kajian selama empat minggu.

1.10.5 Pembelajaran Suku Kata KVKV

Suku kata terbuka KVKV merupakan akronim kepada suku kata terbuka Konsonan Vokal Konsonan Vokal. Ia merupakan asas bacaan sebelum murid dapat menguasai kemahiran membaca dengan lebih lancar. Pembelajaran ialah proses pemerolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Proses pembelajaran berlaku sepanjang hayat seseorang manusia. Ia berlaku di mana-mana tempat dan pada sebarang masa.

Dalam konteks pendidikan, guru biasanya berusaha sedaya upaya mengajar supaya murid dapat belajar dan menguasai isi pelajaran bagi mencapai sesuatu objektif yang ditentukan. Pembelajaran akan membawa kepada perubahan kepada seseorang. Kamus Dewan (2011) mentakrifkan pembelajaran sebagai proses belajar untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan menjalani latihan. Menurut pandangan ahli kognitif, pembelajaran boleh ditakrifkan satu proses dalaman yang menghasilkan perubahan tingkah laku yang agak kekal. Manakala aliran behavioris pula berpendapat bahawa pembelajaran ialah perubahan dalam tingkah laku, iaitu cara seseorang bertindak dalam sesuatu situasi. Dalam psikologi humanis pula, pembelajaran dianggap





proses yang dapat membantu seseorang mencapai kesempurnaan sendiri dan nilai individu.

Membaca pula boleh ditakrifkan sebagai perlakuan mendapatkan maklumat melalui lambang-lambang bertulis atau bercetak. Membaca boleh juga dimaksudkan sebagai menyuarakan tulisan, mengambil isi dan fikiran yang bertulis dan memahami kandungannya. Mengajar membaca bermakna mengajar murid merupakan asas kepada kejayaan seseorang murid. Kemahiran membaca bermula dengan memindahkan tulisan kepada suara serta melatih mereka memahami apa yang terkandung dalam bacaan itu.

Membaca merupakan daripada mengenal, mengecam dan menyebut huruf, membunyikan suku kata, membatangkan suku kata seterusnya membaca perkataan dan ayat. Kemahiran membaca merupakan salah satu fokus dalam Tunjang Komunikasi Bahasa Melayu yang perlu dikuasai oleh murid-murid Pendidikan Khas. Menguasai kemahiran membaca bukan sekadar membantu murid-murid lebih berjaya menguasai tunjang-tunjang lain tetapi juga membantu meningkatkan proses perkembangan mental, psikologikal dan sosial dengan lebih baik. Kajian ini dijalankan bertujuan menambahbaik amalan pengajaran guru, seterusnya membantu murid meningkatkan kemahiran membaca suku kata terbuka KVKV bagi membolehkan murid-murid autistik menguasai kemahiran membaca yang lebih kompleks.

Dalam konteks kajian ini, pembelajaran suku kata merujuk kepada suku kata terbuka KVKV yang terkandung dalam sukatan pelajaran KSSRPK Bahasa Melayu Tahun 2 Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran.



1.11 Kesimpulan

Dalam bab ini penyelidik telah menerangkan dengan jelas mengenai latar belakang kajian yang akan dijalankan. Beberapa isu turut dikemukakan bagi menyokong permasalahan kajian. Tumpuan diberikan kepada masalah berkaitan kebolehan membaca suku kata KVKV dalam kalangan murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran kategori autistik. Penyelidik turut menyatakan pernyataan masalah, objektif kajian, batasan kajian serta definisi operasi yang digunakan dalam kajian ini. Satu kerangka konsep juga dibina bagi menggambarkan konsep kajian secara keseluruhannya.